

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 25 NC USM DAN KLK USM DIRAIKAN DI MALAM APRESIASI MAR KLKM



SERDANG, 24 Mac 2018 - Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Datuk Dr. Asma Ismail telah dianugerahkan Pingat Perkhidmatan Gemilang sempena Malam Apresiasi Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) 2018 yang diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Di dalam majlis tersebut juga, Kontingen Kumpulan Latihan Kelanasiswa USM turut dinobatkan sebagai KLKM terbaik Malaysia dengan menerima Anugerah Daerah KLKM Terbaik.

Majlis penyampaian anugerah telah disempurnakan oleh Ketua Pengakap Negara, Tan Sri Dato' Seri Paduka Dr. Haji Shafie Haji Mohd. Salleh.



# SETINGGI-TINGGI TAHNIAH

KONTINGEN KUMPULAN LATIHAN  
KELANASISWA USM

penerima

**ANUGERAH DAERAH KLKM TERBAIK**



WE LEAD  
Transforming Higher Education  
for a Sustainable Tomorrow



**TOP 1%** Universities  
in the WORLD

8<sup>th</sup> BEST in  
ASEAN

**TOP 50** UNDER  
50

46<sup>th</sup> ASIA  
RANKING

Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia (KLKM) adalah terdiri daripada gabungan kumpulan-kumpulan pengakap Kelana yang ditubuhkan di institut-institut pengajian tinggi di Malaysia.

Keahlian kumpulan ini terdiri dari pelajar-pelajar pengajian tinggi berumur 18 tahun ke atas dari Universiti Awam, IPTA, IPTS, Kolej-kolej Swasta, Politeknik serta Kolej Komuniti di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellery II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

Client Feedback / Comments (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015